

Headline	TH taja hadiah utama Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 May 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	26	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	389 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,358
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,074



TH taja hadiah utama Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan

» Dua Proton Preve untuk johan qari dan qariah

Lembaga Tabung Haji (TH), buat kali kedua menjadi penaja hadiah utama Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-57 (1435H/2014M) tahun ini.

Majlis tilawah tahun ini yang bertemakan 'Wassatiyah Tonggak Kesatuan Ummah' akan berlangsung pada 13 hingga 17 Mei di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang.

TH menawarkan dua buah kereta Proton Preve (1.6 CVT Executive) yang bernilai lebih RM123,000 untuk johan qari dan qariah.

Imarahkan majlis tilawah

Penajaan hadiah utama ini bertujuan menyemarak dan mengembangkan syiar Islam di negara ini melalui program tilawah al-Quran. Pada masa sama, penajaan ini diharap dapat mengimarahkan lagi majlis tila-

wah berkenaan.

Tajaan suntik semangat peserta TH juga berharap penajaan ini menjadi penyuntik semangat dan galakan kepada semua peserta untuk kedua-dua kategori agar bersaing meningkatkan lagi mutu bacaan al-Quran mereka khususnya dari segi tajwid dan taranum.

Tahun lalu, wakil dari Negeri Perak, Anuar Hasin, 31, dinobatkan sebagai johan bagi kategori qari, manakala johan qariah pula disandang wakil Negeri Pahang, Hanimzah Jalaluddin, 29.

TH turut menyeru orang ramai khususnya umat Islam hadir memeriah dan mengimarahkan majlis tilawah ini.

Program seumpama ini diharapkan dapat menjadi platform pembangunan sahsiah diri selain penghayatan pembacaan al-Quran dengan tartil dan sempurna.

PERAJA HADIAH UTAMA
TILAWAH AL-QURAN
PERINGKAT KEBANGSAAN KE-57
1435H/2014M



PROTON PREVE 1.6 CVT EXECUTIVE



www.tabunghaji.gov.my
03-6207 1919

